

Statistik-statistik Taiwan:

- Jumlah Penduduk:
22,850,660 (Oktober 2006)
- Orang Kristian: sekitar 3%
- Pekerja Asing:
336,985
- Orang Indonesia:
79,650 (23.6%)
- Orang Filipina:
91,995 (27.3%)
- Orang Thailand:
93,673 (27.8%)
- Orang Vietnam: 71,618
(21.2%)

Islam tiba di Taiwan pada abad ke-17 apabila orang-orang Islam menyertai Koxinga semasa beliau menyerang Taiwan untuk mengusir kuasa Belanda. Akan tetapi keturunan-keturunan selepas itu telah menyesuaikan diri ke dalam masyarakat Taiwan, memeluk agama dan adat-istiadat tempatan, dan Islam tidak berkembang di sana.

Pada tahun 1949, 20,000 orang islam, kebanyakannya askar-askar dan pekerja awam, telah melarikan diri dari tanah besar China bersama-sama dengan Kuomintang

(kerajaan bukan Komunis) ke negeri Taiwan. Dua masjid telah dibina di bandar Taipei dan Kaohsiung untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam. Pada tahun 1989, kerajaan Taiwan telah mengambil pekerja-pekerja asing sebagai langkah mengatasi masalah kekurangan pekerja tempatan, ini dilakukan supaya mereka dapat menjalankan sebanyak 14 projek pembinaan yang besar. Sejak masa itu pekerja asing telah menjadi punca pekerja murah di Taiwan. Kebanyakan mereka diambil sebagai pekerja kilang, pembina, dan juga sebagai

Hari 13 | Pekerja Asing Muslim di Taiwan

pembantu rumah (lebih 60% di antara mereka adalah orang perempuan). Mereka hanya dibenarkan tinggal di Taiwan selama 6 tahun secara sah.

Tiada statistik yang dapat dicari tentang jumlah pekerja asing yang beragama Islam, tetapi peratusan tinggi di antara orang-orang Indonesia kemungkinan adalah orang Islam. Mereka bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi Taiwan, tetapi juga telah mendedahkan makanan, adat-istiadat, tradisi dan juga kepercayaan mereka kepada orang Taiwan. Malangnya

ramai di antara mereka dan anak-anak mereka menghadapi layanan yang buruk dan juga diskriminasi daripada penduduk-penduduk asli di sana.

Beberapa gereja dan pelayanan di Taiwan telah menjangkau beberapa suku kaum di sana. Mujurlah ramai pekerja Kristian dapat berkomunikasi dalam berbagai bahasa. Ada pastor-pastor di sana yang berasal dari negara Filipina, Thailand, bahkan Indonesia juga. Mereka memerlukan Alkitab dan sumber-sumber yang lain

dalam pelbagai bahasa. Ramai orang-orang Kristian Taiwan juga menggunakan pekerja asing sebagai pembantu rumah. Semoga ramai di antara mereka yang akan cuba membawa pesanan keselamatan kepada pekerja-pekerja mereka. Semoga ramai lagi pekerja Muslim yang akan menemui Tuhan sebelum mereka pulang ke tanahair mereka masing-masing. Mungkin ramai di antara mereka akan memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan gerakan gereja di kalangan bangsa mereka sendiri.

Bahan-bahan Doa:

* Berdoalah agar Tuhan akan menyebabkan lebih ramai orang-orang Kristian Taiwan menjangkau orang-orang Islam di sekeliling mereka.

* Berdoalah agar Tuhan akan membangkitkan lebih ramai pekerja Kristian tempatan yang rela mempelajari bahasa-bahasa dan kebudayaan pekerja asing agar dapat membina perhubungan

dengan mereka dan membawa mereka kepada Kristus.

* Berdoalah agar Tuhan akan membuka hati ramai pekerja asing untuk menerima Injil.

* Berdoalah agar buku-buku, risalah-risalah, bahan-bahan audio dan video Kristian yang sangat diperlukan di dalam pelbagai bahasa akan didapati.

Berdoalah juga untuk ...

Beberapa orang Islam yang mula menetap di Korea. Lebih kurang 40,000 pekerja asing dari beberapa negara Islam tinggal dan bekerja di Korea.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim